

'Kerja kuat jika mahu naik gaji'

BH 31 MAR 2001

SEREMBAN, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kenaikan gaji kakitangan awam bergantung kepada jumlah cukai yang dapat dikutip oleh kerajaan.

Oleh itu, Perdana Menteri meminta kakitangan awam yang mahu gaji lebih tinggi bekerja kuat, meningkatkan prestasi dan produktiviti supaya sektor swasta di negara ini mendapat keuntungan lebih besar.

"Ini kerana kenaikan gaji bergantung kepada jumlah cukai yang dibayar sektor swasta kepada kerajaan.

"Sektor swasta membayar 28 peratus daripada keuntungan kepada kerajaan dalam bentuk cukai korporat dan jika lebih banyak keuntungan diperolehi (swasta), kerajaan menjadi lebih kaya dan mampu memberikan gaji lebih tinggi.

"Untuk mencapai hasrat itu, kakitangan perkhidmatan awam perlu memudahkan sektor swasta seperti menjadikan urusan kerja lebih cepat.

"Jika urusan kerja lambat, mengambil masa berbulan atau bertahun, projek sektor swasta akan mengalami kelewatan dan menanggung kerugian," katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis jamuan makan malam bersama Perdana Menteri di Hotel Hilton di sini, malam ini. Majlis ini dihadiri kira-kira 3,000 orang, sebahagian besar adalah kakitangan kerajaan.

Turut hadir Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim dan Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob.

Dr Mahathir berkata, kelemahan perkhidmatan awam sebaliknya akan menjejaskan operasi sektor swasta dan kerugian, menyebabkan hasil kutipan cukai berkurangan.

Bagaimanapun, katanya, kakitangan perkhidmatan awam di negara ini perlu bersyukur kerana mereka sebenarnya mendapat gaji lebih tinggi berbanding sesetengah negara jiran.